

06 Adakah abang kandung boleh menjadi wali perkahwinan sekiranya bapa kandung tidak dapat dikesan?

Abang kandung tidak boleh menjadi wali. Dalam kes seperti ini, akad nikah hendaklah dilakukan dengan menggunakan wali hakim.

07 Bagaimanakah untuk membuat permohonan wali hakim?

- i) Dapatkan ulasan dan surat iringan Pejabat Agama ke Mahkamah Syariah. Lampirkan laporan siasatan jika berkaitan;
- ii) Kemukakan Borang Permohonan, dokumen sokongan, Kebenaran Berkahwin lelaki dan Perintah/Penghakiman Kebenaran Berkahwin dari Mahkamah Syariah untuk mendapatkan kelulusan dan Kebenaran Berkahwin daripada Pejabat Agama;
- iii) Mendapatkan kelulusan dan Kebenaran Berkahwin daripada Pendaftar Pejabat Agama; dan
- iv) Menyerahkan dokumen Kebenaran Berkahwin kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar Perkahwinan untuk pelaksanaan majlis akad nikah.

08 Berapa lamakah tempoh untuk mendapatkan kelulusan mahkamah bagi permohonan wali hakim?

Permohonan wali hakim dikemukakan di Mahkamah Syariah. Maklumat lanjut berkaitan dengan tempoh kelulusan, Pemohon boleh merujuk terus ke Mahkamah Rendah Syariah berdekatan tempat tinggal Pemohon.



HUBUNGI KAMI:

Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur No Tel : 03-26942700 No Faks : 03-26940040	Jabatan Bantuan Guaman Kelantan No Tel : 09-7482548 No Faks : 09-7472615
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang No Tel : 09-9123688 No Faks : 09-9126988	Jabatan Bantuan Guaman Selangor No Tel : 03-55453398 / 03-55453497 No Faks : 03-55190846
Jabatan Bantuan Guaman Perak No Tel : 05-2544027 / 05-2552240 No Faks : 05-2556007	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub No Tel : 09-3553677 No Faks : 09-3557494
Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan No Tel : 06-7630457 / 06-7637230 No Faks : 06-7610380	Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang No Tel : 04-2109100 / 04-2109108 No Faks : 04-2287966
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Taiping No Tel : 05-8082701 / 05-8069452 No Faks : 05-8063817	Jabatan Bantuan Guaman Melaka No Tel : 06-2345277 / 06-2345288 No Faks : 06-2345280
Jabatan Bantuan Guaman Kedah No Tel : 04-7001553 No Faks : 04-7327452	Jabatan Bantuan Guaman W.P Labuan No Tel : 087-412242 No Faks : 087-411531
Jabatan Bantuan Guaman Johor No Tel : 07-2234960 / 07-2237073 No Faks : 07-2247169	Jabatan Bantuan Guaman Perlis No Tel : 04-9767739 No Faks : 04-9767790
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri No Tel : 085-423606 No Faks : 085-425204	Jabatan Bantuan Guaman Pahang No Tel : 09-5161135 / 09-5162639 No Faks : 09-5157120
Jabatan Bantuan Guaman Sabah No Tel : 088-488434 No Faks : 088-488096	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu No Tel : 084-343978 No Faks : 084-346978
Jabatan Bantuan Guaman Terengganu No Tel : 09-6203240 / 41/42/43 No Faks : 09-6203250	Jabatan Bantuan Guaman Sarawak No Tel : 082-258699 / 082-238509 No Faks : 082-243978
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar No Tel : 06-9522410 / 06-9528972 No Faks : 06-9528153	Jabatan Bantuan Guaman Langkawi No Tel : 04-9698180 / 04-9698183 No Faks : 04-9698181

Ibu Pejabat:
Jabatan Bantuan Guaman
Aras 1, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No Telefon:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)
No. Faks : 03-88851829/1830/1831

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS
UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA
BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP
DAN TERPERINCI.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN BANTUAN GUAMAN



WALI HAKIM



www.jbg.gov.my



[jabatanbantuanguaman](https://www.facebook.com/jabatanbantuanguaman)

01

Apakah pengertian wali hakim?

Wali hakim ialah sultan atau pemerintah sebagai ketua negara Islam atau hakim atau sesiapa sahaja yang diberikan kebenaran dan kuasa untuk menjadi wali nikah kepada perempuan itu.

Dalam subseksyen 2(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], wali hakim ditakrifkan sebagai wali yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam hal Wilayah-Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja, dalam hal sesuatu negeri lain, untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali daripada nasab.

02

Apakah kedudukan wali hakim?

Kedudukan wali hakim menurut kebanyakan fuqaha' adalah berada pada tertib susunan terakhir dalam tertib susunan wali sama ada *wali mujbir*, *wali aqrab* (wali yang paling dekat hubungannya dengan bakal pengantin perempuan mengikut susunan wali) dan *wali ab'ad* (wali yang jauh hubungannya dengan bakal perempuan mengikut susunan wali).

Kuasa wali tidak berpindah kepada orang lain selagi wali yang berada di kedudukan wali masih hidup dan mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai wali.

Dalam Mazhab Syafie, wali mujbir ada tiga, iaitu bapa, datuk dan ke atas serta pemilik hamba, manakala *wali aqrab* dan *wali ab'ad* (bukan wali mujbir) adalah berdasarkan tertib yang berikut:



Bapa kandung	Bapa saudara bapa sebelah bapa seibu sebapa (datuk saudara)
Datuk (bapa kepada bapa) dan ke atas	Bapa saudara bapa sebelah bapa sebapa (datuk saudara)
Saudara lelaki seibu sebapa (abang/adik kandung)	Anak lelaki datuk saudara seibu sebapa
Saudara lelaki sebapa	Anak lelaki datuk saudara sebapa
Anak saudara lelaki seibu sebapa (anak saudara)	Anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara seibu sebapa ke bawah
Anak lelaki saudara lelaki sebapa (anak saudara)	Anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara sebapa ke bawah
Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa ke bawah	Bapa saudara datuk seibu sebapa (moyang saudara)
Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa ke bawah	Bapa saudara datuk sebapa (moyang saudara)
Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa	Anak lelaki moyang saudara seibu sebapa
Bapa saudara sebelah bapa sebapa	Anak lelaki moyang saudara sebapa
Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu)	Anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara seibu sebapa
Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu)	Anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara sebapa
Anak sepupu seibu sebapa ke bawah	Mu'tiq (tuan kepada hamba yang dimerdekakan) dan asabahnya; atau
Anak sepupu sebapa ke bawah	Jika semua wali di atas tidak ada maka yang menjadi wali ialah wali Raja / wali Sultan

03

Apakah peranan wali hakim?

Wali hakim berperanan dalam pernikahan apabila wali nasab tidak dapat menjalankan tugasnya kerana halangan yang dibenarkan oleh syarak. Wali hakim hanya berfungsi sebagai wali pengganti jika wali nasab tidak ada atau enggan menikahkan perempuan yang ada di bawah pewaliannya.

04


Apakah sebab-sebab seseorang perlu menggunakan wali hakim?

- i) Tidak mempunyai wali nasab.
Bagi pengantin perempuan yang tidak mempunyai wali nasab seperti muallaf yang tiada saudara-maranya yang memeluk Islam atau perempuan yang tidak mempunyai wali langsung mengikut tertib wali atau anak tak sah taraf maka wali hakimlah yang menjadi wali dalam perkahwinannya.
- ii) Wali yang ada tidak mencukupi syarat menjadi wali pernikahan.
Seorang wali yang mempunyai hak untuk mengahwinkan perlu memenuhi syarat-syarat wali, iaitu Islam, seorang yang adil, baligh, berakal, tiada penyakit yang mencacatkan fikiran, tidak terhalang daripada menguruskan hartanya kerana boros (السفه) dan bukan dalam keadaan ihram haji atau umrah.

05

Ibu dan bapa saya telah bercerai dan bapa tidak bersetuju mewalikan perkahwinan saya. Adakah abang kandung boleh menjadi wali saya?

Sekiranya bapa kandung enggan menjadi wali pernikahan anaknya, permohonan wali hakim hendaklah dikemukakan ke Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa. Abang kandung tidak boleh menggantikan bapa sebagai wali pernikahan dalam situasi ini.



iii) Wali aqrab menunaikan haji atau umrah

Jika *wali aqrab* menunaikan haji atau umrah maka hak walinya terlucut dan hak wali itu juga tidak berpindah kepada *wali ab'ad*, tetapi hak wali itu berpindah kepada wali hakim.

Demikian juga sekiranya *wali aqrab* itu membuat *wakalah wali* sebelum membuat haji atau umrah atau semasa ihram maka *wakalah wali* itu tidak sah.

iv) Wali Enggan

Wali tidak boleh enggan untuk menikahkan perempuan yang dalam kewaliannya, tidak boleh menyakitinya atau melarangnya berkahwin sekiranya pilihan perempuan itu memenuhi kehendak syarak.

Menurut Jumhur Fuqaha' (Syafie, Maliki dan Hambali) apabila *wali aqrab* enggan menikahkan pengantin perempuan, maka wali hakimlah yang perlu melaksanakannya.